

06/07/2002

Negeri pastikan dasar tidak bercanggah dengan Pusat

Daud Awang; Minarni Mat Saad; Abdul Razak Raaff

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan negeri sentiasa memastikan setiap dasarnya tidak bercanggah dengan Kerajaan Pusat di samping memastikan pelaksanaan semua arahan dilakukan dengan baik.

Di Shah Alam, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, berkata kerajaan negeri mengambil berat setiap keputusan, dasar dan pandangan Kerajaan Pusat serta memastikan ia diselaraskan dengan rancangan negeri.

Beliau memberi contoh tindakan memperbanyakkan rumah kos rendah dan menangani masalah setinggan.

Dr Mohamad Khir berkata, kerajaan negeri juga bekerja secara 'hands-on' dan memantau pelaksanaan keputusan yang dibuat peringkat Exco.

"Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Kerajaan Pusat tidak mempunyai hubungan langsung jadi Menteri Besar melalui Exco akan memantau apa yang dibuat oleh PBT supaya selaras dengan Pusat.

"Saya akui ada PBT di Selangor bekerja sendiri. Bagi mengelakkan pertentangan dengan Kerajaan Pusat, kita akan mengadakan mesyuarat dengan PBT setiap bulan dan PBT dikehendaki mengemukakan laporan program dan aktiviti mereka," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat dengan Penghulu dan Penggawa di pejabatnya di sini, hari ini,

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengingatkan kerajaan negeri supaya tidak mengamalkan dasar yang bercanggah dengan keputusan Kerajaan Pusat.

Ditanya contoh yang diberikan Perdana Menteri mengenai isu pasar raya besar yang tidak dibenarkan beroperasi di Wilayah Persekutuan tetapi dibenarkan di Selangor, Dr Mohamad Khir berkata, ada pasar raya besar yang diteruskan pembinaannya kerana diluluskan sebelum peraturan dikeluarkan.

"Kita tetap akan mengehadkan pembinaan pasar raya di Selangor dan memastikan ia benar-benar perlu di kawasan berkenaan," katanya.

Sementara itu, di Melaka, Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata pihaknya sentiasa mematuhi dasar ditetapkan Kerajaan Pusat.

"Setakat ini segala dasar dan peraturan yang dilaksanakan mengikut keputusan Kerajaan Pusat. Perkara ini penting supaya pelaksanaannya tidak bercanggah dengan peraturan Kerajaan Pusat," katanya.

Selain itu, kerajaan negeri memantau keputusan dan pelaksanaan projek melalui mesyuarat Exco dan pelantikan Ketua Eksekutif Majlis Tindakan Negeri (MTEN)," katanya.

Di JOHOR BAHRU, Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata kerajaan negeri sudah lama mempraktikkan pendekatan secara 'hands-on' dan sentiasa memastikan keputusan dan arahan dasar kerajaan Pusat dilaksanakan pada semua peringkat, termasuk kerajaan tempatan.

Katanya, pendekatan holistik yang menjadi tunjang dasar pentadbiran pada masa ini juga sejajar amalan secara 'hands-on'.

Beliau berkata, kerajaan negeri mengambil pendekatan melaksanakan apa yang diarahkan Kerajaan Pusat selain mempermudah dan melakukan pemantauan berterusan supaya tidak timbul masalah pelaksanaannya.